



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI SEMBILAN**

NOTIS SEBUT HARGA

JPV.NS.S. 2 /2023

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ANAK AYAM KAMPUNG KACUKAN,
MAKANAN PERMULAAN, BAHAN MIKROORGANISMA EFEKTIF DAN UBAT
ANTISTRESS HAIWAN BAGI PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI DESA
TAHUN 2023**

Pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 070202 Haiwan Ternakan, 070302 Makanan Haiwan dan 070301 Ubat Haiwan adalah dipelawa menyertai sebut harga ini. Pelawaan juga kepada syarikat bertaraf **Bumiputera sahaja**.

2. Borang sebut harga berserta Syarat-syarat Am/Khas boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dengan harga RM 30.00 senaskhah bermula pada 7 FEBRUARI 2023. Satu (1) penyebut harga dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. **Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan. Sila bawa bersama salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan yang menyenaraikan kod-kod bidang 070202 Haiwan Ternakan, 070302 Makanan Haiwan dan 070301 Ubat Haiwan serta salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera.**

3. Permohonan hendaklah dimasukkan terus ke dalam peti tawaran di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban, Negeri Sembilan dalam sampul surat berlakri bertanda '**Sebut Harga JPV.NS.S. 2 /2023**'.

Tarikh tutup sebut harga adalah pada 15 FEBRUARI 2023 jam 12.00 tengah hari.

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan Darul Khusus

31 Januari 2023